

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Profesor Dr Mansor Mohd Noor
Ketua Kluster Perpaduan Nasional,
Majlis Profesor Negara



Ucapan kebencian menjejaskan hak satu kumpulan dan jelas satu pelanggaran prinsip maruah dan penghormatan kepada perbezaan budaya dalam kalangan kumpulan manusia”

Rakyat Malaysia perlu sentiasa secara sedar dan memilih untuk mengelak budaya ucapan kebencian dan jenayah kebencian bukan sahaja terhadap kumpulan etnik lain tetapi sesama sendiri”

Hanya dengan memahami kepelbagaian budaya, bahasa, agama dan cara hidup mereka ini yang berbeza boleh mengelak kita daripada terperangkap ucapan kebencian dan jenayah kebencian terhadap mereka”

Tangani ucapan kebencian, tolak perkauman

Perkauman semakin menjadi di negara kita. Rakyat pelbagai etnik berasa hidup berisiko dengan ucapan membakar semangat perkauman ini. Negara ini boleh tergugat hubungan etnik, kesepaduan sosial, kestabilan dan kemajuan baik dialami sekarang jika kita tidak berikan perhatian utama mengurusnya.

“Balik kampung kamu, genetik jenayah, kaki penipu dan sebagainya adalah ucapan kebencian sering dikatakan kepada etnik lain di Malaysia. Ucapan kebencian dikaitkan dengan etnosentrikisme, superioriti-inferioriti, maruah dan emosi negatif dikaitkan dengan ketidakseimbangan sosial, kemiskinan, kepinggiran warisan antara generasi antara etnik.

Ucapan kebencian memburukkan reputasi satu kumpulan sosial, distereotapkan kepada ciri kewarganegaraan, ras atau agama yang diikuti dengan menghasut permusuhan, keganasan dan diskriminasi terhadap kumpulan itu. Ucapan kebencian menjejaskan hak satu kumpulan dan jelas satu pelanggaran prinsip maruah dan penghormatan kepada perbezaan budaya dalam kalangan kumpulan manusia. Sering kali jika tidak ditangani segera akan subur rasisme dan dis-

kriminasi dalam masyarakat.

Pengucap kebencian diucapkan bukan sahaja oleh seorang daripada golongan tidak berpendidikan tetapi juga seorang pensyarah, miskin tetapi kaya, warna kulit hitam tetapi putih, lelaki tetapi perempuan, kampung tetapi bandar. Ucapan kebencian boleh didengar sambil berbual dengan kawan rapat kita, bersembang di kedai makan mamak, ketika mesyuarat di pejabat, ketika di stadium bola sepak, apatah lagi ketika kempen pilihan raya.

Tidak dinafikan hubungan etnik, keharmonian, kesepaduan dan perpaduan masih baik. Kajian di Institut Kajian Etnik (KITA) di Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di Jabatan Perdana Menteri dan Indeks Kedamaian Dunia (GPI) di Australia memperakui rekod kejayaan Malaysia ini.

Namun, rakyat Malaysia perlu sentiasa secara sedar dan memilih untuk mengelak budaya ucapan kebencian dan jenayah kebencian bukan sahaja terhadap kumpulan etnik lain tetapi sesama sendiri. Kita mesti mengetahui dan memahami dengan setiap kumpulan etnik. Kebanyakan kita hanya tahu dalam lapan kumpulan etnik sahaja, iaitu, Melayu, Kadazan-Dusun, Banjaru, Iban, Melanau, Orang

Asli, Cina dan India.

Rakyat Malaysia di Semenanjung pula hanya menyebut kumpulan etnik Melayu, Cina dan India. Walhal dalam kalangan rakyat kita sendiri terdiri daripada lebih 200 pecahan suku etnik. Ini berlaku kerana setiap kumpulan etnik di negara ini terdiri dari pelbagai identiti mengikut dialek, loghat dan kenegerian. Kita perlu ingat juga, pembangunan dan kemajuan yang dicapai negara ini menarik pekerja asing untuk bekerja di sini, ada yang sudah berkahwin dengan rakyat kita dan mendapat kerakyatan negara ini.

Hanya dengan memahami kepelbagaian budaya, bahasa, agama dan cara hidup mereka ini yang berbeza boleh mengelak kita daripada terperangkap ucapan kebencian dan jenayah kebencian terhadap mereka. Tetapi dalam setiap aspek hidup kita di negara ini, perbezaan etnik tidak menjadi penyebab kepada etnosentrikisme, prejudis dan tindakan diskriminasi itu.

Terikat pada satu nilai hidup

Perubahan budaya hidup ini mentransformasi masyarakat kepelbagaian tetapi terikat dengan satu nilai hidup yang dikongsi bersama aspirasi, kemahuan dan harapan. Mereka tanpa mengira etnik mahu keharmonian, keamanan, kesepaduan, kemajuan dan hidup sejahtera di negara ini. Mereka mahu nilai hidup berteraskan hak asasi, keadilan, keterangkuman dan penglibatan bersama.

Mereka mahu ruang awam yang luas untuk bebas bersuara, berkumpul, berpersatuan dan telus dengan maklumat negara dalam kerangka demokrasi demi mempertahankan kedamaian dan kestabilan negara. Dengan budaya kerencaman sosial ini, walaupun masih mempertahankan identiti etnik dan agama mereka, sikap pelampau dan keganasan bukan pilihan hidup mereka dalam berhubung dengan etnik lain di negara ini.

Kajian menunjukkan ucapan kebencian dan jenayah kebencian lebih dapat diperhatikan berlaku oleh kepentingan untuk mempertahankan material dan darjat sosial mereka dalam bersaing dengan individu dan kumpulan et-

nik lain dalam kehidupan mereka. Diperhatikan golongan sosial, daripada status atasan, menengah dan ke bawah akan mengemblemkan batas etnik mereka apabila cita-cita dan cita rasa hidup didapati tergugat dan berisiko.

Maka dimensi bahasa, budaya dan agama sebagai mekanisme akan digemblemkan demi mempertahankan kepentingan individu dan kumpulan mereka dalam bersaing dengan etnik lain demi memastikan kepada akses sumber masyarakat dan darjat sosial akan dipertahankan. Dalam keadaan sosial seperti ini, dimensi etnik bukan sahaja boleh menjadi penyebab tetapi lebih berperanan sebagai akibat.

Dalam kalangan golongan berpendapatan dan status sosial rendah, B40, M40, miskin dan pinggir, mereka sebagai rakyat yang tergolong sebagai losers dalam arus pembangunan dan tadbir urus negara, akan bersikap renggang, pelampau dan ganas terhadap parti pemerintah hingga kestabilan politik tidak dapat dijamin pasti berkekalan. Dalam golongan status sosial menengah di bandar, Gen Y dan profesional juga akan memilih budaya tindakan politik yang mahu perubahan dan juga menolak status politik sedia ada.

Akhir kalam, parti pemerintah bersama pembangkang perlu fokus dengan mempolitikkan setiap kehidupan rakyat kepelbagaian di negara ini tetapi bersama mengukuhkan pelaksanaan pembangunan dan tadbir urus negara agar rakyat mendapat manfaat kestabilan dan kemajuan secara adil, terangkum dan penuh transparansi. Rakyat yang dapat berasaskan hasil kemakmuran negara akan terbina keterikatan mereka kepada negara dan juga kumpulan etnik, budaya dan agama lain hingga lahir kesepaduan sosial nasional dalam kalangan mereka.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) universiti awam ke-19 kini giat melaksanakan program keusahawanan bukan saja di dalam, malah luar kampus bagi membantu masyarakat luar bandar. Ikuti corotan lanjut Pengarah Unit Projek Khas Program Kemasyarakatan, UMK, Profesor Madya Dr Mohad Anizu Mohd Nor, esok.